

# Weststar dapat kontrak sediakan perkhidmatan helikopter RM370 juta

**KUALA LUMPUR:** Weststar Aviation Services Sdn Bhd (WASSB) telah memperoleh kontrak bernilai RM370 juta bagi menyediakan dua buah helikopter jenis AgustaWestland AW139 untuk kegunaan Carigali Hess Operating Company dan Carigali PT-TEPI Operating Company Sdn Bhd.

Weststar dalam satu kenyataan semalam, berkata kedua-dua syarikat akan menggunakan helikopter bersaiz sederhana, AW139 dari generasi baharu dengan keupayaan 15 tempat serta berenjin kembar bagi mengembangkan operasi

eksplorasi minyak dan gas di bawah kerjasama Malaysia-Thailand.

Kontrak lima tahun berkuat kuasa hari ini, adalah untuk pengoperasian kedua-dua buah helikopter daripada pangkalannya di Kota Baharu, Kelantan.

“Ia adalah rangsangan yang tepat pada masa untuk pengembangan strategik WASSB, seterusnya bagi mengukuhkan lagi kedudukan kami di pasaran di mana pelanggan kami beroperasi.

“Selain itu, kami berbesar hati apabila dapat membina satu lagi hubungan jangka

panjang dengan mereka, sejajar dengan hasrat kami untuk mengembangkan tapak di rantau ini terutamanya dalam pasaran ASEAN yang baru muncul,” kata Pengarah Pembangunan Perniagaan, Datuk Anuar Noordin.

WASSB merupakan pembekal perkhidmatan pengangkutan helikopter luar pesisir terbesar di Asia Tenggara.

Ia mengendalikan armada helikopter AgustaWestland dan Sikorsky yang khusus digunakan oleh perkhidmatan sokongan luar pesisir dan syarikat-syarikat multinasional minyak dan gas. — Bernama